


نجات ستياوسهاكراجان فميج

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG  
WISMA SRI PAHANG  
25503 KUANTAN

Tel : 09-5126600 (AM) / 09- 5126700 (BPEN)  
Fax : 09-5134742 (AM) / 09-5156327 (BPEN)  
http://www.pahang.gov.my



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO. : MY QMS 01841



#MajuTerusPahang #Pahang1<sup>st</sup>

Ruj.Kami : SUKPHG-3.600-1/1/4 (37)

Tarikh : 30 November 2021

SEPERTI SENARAI EDARAN

YH. Dato'/Tuan/Puan,

**PERWARTAAN NOTIS DI BAWAH ENAKMEN HOTEL (PAHANG) 2020.**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Perwartaan Notis Di Bawah Enakmen Hotel (Pahang) 2020. ,Notis tersebut telah diwartakan pada 11 November 2021 dalam Warta Kerajaan Tamb Perundangan Pahang No.16. Bersama ini disertakan salinan warta tersebut.

Perhatian pihak YH. Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara di atas di ucapkan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**" Mudah, Cepat, Telus "**

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menjalankan amanah,

( ADEL AL HASHIR BIN KAMALAL HASHIR, SMP., AAP. )

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Kerajaan Tempatan  
b.p.SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG.

☎ : 09-5126639 ☎ : 09-5161544  
✉ : tempatan@pahang.gov.my  
☐ PT(D)1 / BKT / SURAT NOTIS PEWARTAAN PBT

KP/PPP/PKT/PPM/PJ/PAN/PPN  
PPPBD/K/PPTM/KPT/PA

- Fail Kepada Saya
- Fail & Bincang Dengan Saya
- Uruskan
- Ambil Maklum & Study
- Beri Akuan Penerimaan
- Saya Hadir
- Sila Hadir

31/12/21

J 2/12

## SENARAI EDARAN

Dato' Bandar Kuantan  
Majlis Bandaraya Kuantan  
Jalan Tanah Putih  
25150 Kuantan  
Pahang Darul Makmur  
Tel : 09-512 1555 / 512 1666  
Fax : 09-516 1273

Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Temerloh  
Aras 6 & 7  
Kompleks Pejabat Plaza Temerloh  
28000 Temerloh  
Pahang Darul Makmur  
Tel : 09-2901222  
Fax : 09-2901664

Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Bentong  
Jalan Ketari  
28700 Bentong  
Pahang Darul Makmur  
Tel : 09-2221148  
Fax : 09-2223729

Yang Dipertua  
Majlis Daerah Pekan  
Jalan Mahkota  
26600 Pekan  
Pahang Darul Makmur  
Tel : 09-4211062  
Fax : 09-4221954

Yang Dipertua  
Majlis Daerah Rompin  
26800 Kuala Rompin  
Pahang Darul Makmur  
Tel : 09-4146688  
Fax : 09-4146077

Yang Dipertua  
Majlis Daerah Maran  
26500 Maran  
Pahang Darul Makmur  
Tel : 09-4771455  
Fax : 09-4771511

Yang Dipertua  
Majlis Daerah Bera  
Jalan Masjid, 28300 Triang  
Pahang Darul Makmur  
Tel : 09-2501702  
Fax : 09-2501708

Yang Dipertua  
Majlis Daerah Raub  
27600 Raub  
Pahang Darul Makmur  
Tel : 09-3551175  
Fax : 09-3554270

Yang Dipertua  
Majlis Daerah Jerantut  
27000 Jerantut  
Pahang Darul Makmur  
Tel : 09-2662205  
Fax : 09-2661545

Yang Dipertua  
Majlis Daerah Lipis  
27100 Kuala Lipis  
Pahang Darul Makmur  
Tel : 09-3121253  
Fax : 09-3123953

Yang Dipertua  
Majlis Daerah Cameron Highlands  
29007 Tanah Rata  
Pahang Darul Makmur  
Tel : 05 - 491 4455  
Fax : 05 - 491 1728

Phg. P.U. 57.

ENAKMEN HOTEL (PAHANG) 2020

PERATURAN-PERATURAN HOTEL (PAHANG) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 34 Enakmen Hotel (Pahang) 2020, Pihak Berkuasa Negeri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Hotel (Pahang) 2021**.
- (2) Peraturan ini mula berkuat kuasa pada tarikh disiarkan di dalam *Warta*.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain—

“Caj Kelestarian” ertinya fi berjumlah RM3.00 semalam yang dikenakan bagi setiap bilik yang dihuni.

“Enakmen” ertinya Enakmen Hotel (Pahang) 2020;

“hotel” ertinya mana-mana premis di mana—

- (a) orang diberi tempat berlindung atau menginap untuk apa-apa jenis sewa atau ganjaran;
- (b) bilik-bilik dilengkapi oleh pemunya, penerima pajak, penyewa utama, penghuni atau pengurus premis itu untuk kegunaan domestik bagi orang yang diberi tempat berlindung atau menginap itu; atau
- (c) termasuklah asrama (kecuali yang ditafsirkan di bawah subperenggan (c)(iii)) atau motel, rumah tumpangan, rumah penginapan atau rumah tetamu;

tetapi tidaklah termasuk—

- (i) mana-mana premis di mana aktiviti yang disebut dalam perenggan (a) dan (b) sedang dijalankan oleh atau bagi pihak Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri atau mana-mana badan berkanun yang ditubuhkan oleh mana-mana undang-undang bertulis;

- (ii) mana-mana kemudahan jagaan kesihatan persendirian, pusat jagaan kanak-kanak atau pusat jagaan yang penubuhan atau pengendaliannya dikawal atau dikawal selia di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain;
- (iii) mana-mana asrama yang ditubuhkan oleh atau bagi pihak mana-mana institusi pendidikan swasta atau institusi pendidikan tinggi swasta dan dikawal atau dikawal selia di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain; atau
- (iv) mana-mana premis yang disewakan atas dasar tuan rumah dan penyewa;

“lesen” ertinya lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen 4 atau lesen sementara yang dikeluarkan di bawah seksyen 8 Enakmen Hotel (Pahang) 2020;

“pihak berkuasa tempatan” mempunyai erti yang sama dengan yang diberi kepadanya dalam seksyen 2 Enakmen Hotel (Pahang) 2020;

“Tabung Amanah Kelestarian Negeri” ertinya suatu kumpulan wang yang diwujudkan oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi tujuan menguruskan Caj Kelestarian.

#### **Permohonan lesen**

3. (1) Tiap-tiap permohonan untuk mendapatkan lesen di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah disertakan dengan butir-butir mengenai pemohon dan orang yang berkenaan dalam pembukaan hotel dan kepentingan-kepentingan yang diwakili oleh orang-orang itu.

(2) Pemohon hendaklah membuat pembayaran fi pemprosesan seperti yang ditetapkan dalam Jadual Kedua semasa permohonan dikemukakan dan fi pemprosesan tidak akan dikembalikan sama ada permohonan diluluskan atau tidak diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan.

#### **Penolakan permohonan**

4. Pihak berkuasa tempatan boleh menurut budi bicaranya, enggan memberi atau memperbaharui sesuatu lesen dan hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada pemohon akan keputusan tersebut.

#### **Pengeluaran dan pembaharuan lesen**

5. (1) Setelah permohonan mendapatkan lesen diluluskan, maka sesuatu lesen hendaklah dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan setelah—

- (a) pembayaran apa-apa fi yang ditetapkan dalam Jadual;

(b) pembayaran deposit seperti jumlah yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan sebagai jaminan untuk memastikan pematuhan syarat-syarat atau sekatan-sekatan lesen dan peruntukan-peruntukan Enakmen atau Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya dipatuhi dengan sewajarnya; dan

(c) apa-apa syarat atau sekatan yang dinyatakan di dalamnya.

(2) Suatu lesen itu boleh diperbaharui setelah bayaran fi pembaharuan lesen itu dijelaskan sepenuhnya termasuk bayaran kompaun kepada pihak berkuasa tempatan.

(3) Kadar fi tahunan dan fi pembaharuan adalah berdasarkan kategori hotel sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan Jadual Ketiga.

(4) Kadar denda lewat memperbaharui lesen adalah sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(5) Penetapan kategori hotel adalah sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

#### **Caj Kelestarian**

6. (1) Caj Kelestarian akan dikenakan terhadap setiap bilik hotel yang di sewa di dalam kawasan pihak berkuasa tempatan sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Caj Kelestarian akan dikutip oleh pemegang lesen dan hendaklah mendepositkan kutipan tersebut ke dalam Tabung Amanah Kelestarian Negeri pada hari kesepuluh setiap bulan.

(3) Satu jawatankuasa akan diwujudkan bagi menguruskan tabung tersebut.

#### **Pindah milik lesen**

7. Pihak berkuasa tempatan boleh membenarkan pindah milik lesen kepada mana-mana orang atau badan korporat atau firma dengan bayaran fi sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

#### **Fi salinan lesen yang diperakui**

8. Pihak berkuasa tempatan boleh apabila menerima permohonan bertulis daripada pemegang lesen mengeluarkan salinan lesen yang diperakui dengan kadar fi sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

**Tempoh lesen**

9. Sesuatu lesen hendaklah terus berkuat kuasa dari tarikh pembayaran fi lesen mengikut tempoh yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan tetapi tidak boleh melebihi tiga tahun.

**Kebersihan hotel**

10. Suatu hotel hendaklah berada di dalam keadaan bersih pada setiap masa.

**Kacau ganggu**

11. Seseorang pemegang lesen hendaklah memastikan aktiviti yang dijalankan di hotel tidak menimbulkan sebarang kacau ganggu.

**Pencegahan kebakaran**

12. Seseorang pemegang lesen hendaklah memastikan—

- (a) kelengkapan memadam kebakaran yang mencukupi disediakan, diselenggara dan berfungsi dengan baik;
- (b) semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar yang mencukupi disediakan, diselenggara dan berfungsi dengan baik;
- (c) semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar adalah bebas daripada segala halangan dan tiap-tiap pintu di dalamnya dibina dan dipasang sedemikian cara supaya ia dapat dibuka dengan senang; dan
- (d) pematuhan terhadap apa-apa syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan dari semasa ke semasa.

**Pengudaraan**

13. Seseorang pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa setiap bilik mempunyai peredaran udara yang mencukupi atau sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan.

**Pembatalan lesen**

14. (1) Pihak berkuasa tempatan boleh membatalkan sesuatu lesen yang diberikan jika berpuas hati bahawa pemegang lesen itu telah melanggar mana-mana peruntukan di bawah Enakmen ini atau Peraturanan-Peraturan yang dibuat di bawahnya atau gagal mematuhi apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan ke atasnya.

(2) Sebelum membatalkan sesuatu lesen, pihak berkuasa tempatan hendaklah melalui notis bertulis memaklumkan hasratnya untuk berbuat demikian kepada pemegang lesen dan meminta pemegang lesen untuk suatu peluang untuk membuat representasi secara bertulis tentang kenapa lesennya tidak boleh dibatalkan.

(3) Jika pihak berkuasa tempatan memutuskan untuk membatalkan sesuatu lesen, maka notis pembatalan itu hendaklah disampaikan kepada pemegang lesen sebagaimana diperuntukkan di bawah Enakmen.

(4) Seseorang pemegang lesen yang telah dibatalkan sesuatu lesen hendaklah menutup hotel dan menghentikan aktiviti hotel itu dengan serta-merta.

### Penalti

15. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

#### JADUAL PERTAMA

[Peraturan 5(3)]

#### LESEN TAHUNAN

##### 1. Kategori 1

<i>Jumlah Bilik</i>	<i>Fi (RM)</i>
20 bilik ke bawah	2,000.00
21 hingga 30 bilik	2,200.00
31 hingga 40 bilik	2,400.00
41 hingga 50 bilik	2,600.00
51 hingga 60 bilik	2,800.00
61 hingga 70 bilik	3,000.00
71 hingga 80 bilik	3,200.00
81 hingga 90 bilik	3,400.00
91 hingga 100 bilik	3,600.00
Setiap tambahan 10 bilik atau kurang	200.00



## 2. Kategori 2

<i>Jumlah Bilik</i>	<i>Fi (RM)</i>	<i>Fi (RM)</i>
	<i>Semua Pihak Berkuasa Tempatan kecuali Majlis Perbandaran Bentong</i>	<i>Majlis Perbandaran Bentong</i>
20 bilik ke bawah	1,000.00	1,500.00
21 hingga 30 bilik	1,100.00	1,650.00
31 hingga 40 bilik	1,200.00	1,800.00
41 hingga 50 bilik	1,300.00	1,950.00
51 hingga 60 bilik	1,400.00	2,100.00
61 hingga 70 bilik	1,500.00	2,250.00
71 hingga 80 bilik	1,600.00	2,400.00
81 hingga 90 bilik	1,700.00	2,500.00
91 hingga 100 bilik	1,800.00	2,700.00
Setiap tambahan 10 bilik atau kurang	100.00	150.00

## 3. Kategori 3

Jumlah Bilik	Fi (RM)						
	Majlis Perbandaran Kuantan, Majlis Perbandaran Temerloh, Majlis Daerah Pekan, Majlis Daerah Rompin, Majlis Daerah Bera, Lembaga Pembangunan Tioman	Majlis Perbandaran Bentong	Majlis Daerah Maran	Majlis Daerah Raub, Majlis Daerah Jerantut	Majlis Daerah Lipis	Majlis Daerah Cameron Highlands	
10 bilik ke bawah	600.00	1,000.00	700.00	900.00	700.00	700.00	700.00
11 bilik hingga 20 bilik	600.00	1,100.00	750.00	900.00	700.00	700.00	700.00
21 hingga 30 bilik	650.00	1,200.00	800.00	950.00	—	750.00	750.00
31 hingga 40 bilik	700.00	1,300.00	850.00	1,000.00	—	800.00	800.00
41 hingga 50 bilik	750.00	1,400.00	900.00	1,050.00	—	850.00	850.00
51 hingga 60 bilik	800.00	1,500.00	950.00	1,100.00	—	900.00	900.00
61 hingga 70 bilik	850.00	1,600.00	1,000.00	1,150.00	—	950.00	950.00
71 hingga 80 bilik	900.00	1,700.00	1,050.00	1,200.00	—	1,000.00	1,000.00
81 hingga 90 bilik	950.00	1,800.00	1,100.00	1,250.00	—	1,050.00	1,050.00
91 hingga 100 bilik	1,000.00	1,900.00	1,150.00	1,300.00	—	1,100.00	1,100.00
Setiap tambahan 10 bilik atau kurang	100.00	100.00	100.00	100.00	50.00	100.00	100.00

## 4. Kategori 4

Jumlah Bilik	Fi (RM)					
	Majlis Perbandaran Kuantan, Majlis Perbandaran Temerloh, Majlis Daerah Pekan, Majlis Daerah Rompin, Majlis Daerah Bera, Majlis Daerah Raub, Lembaga Pembangunan Toman	Majlis Perbandaran Bentong	Majlis Daerah Maran	Majlis Daerah Lipis	Majlis Daerah Jerantut, Majlis Daerah Cameron Highlands	
10 bilik ke bawah	400.00	750.00	600.00	600.00	600.00	600.00
11 bilik hingga 20 bilik	400.00	800.00	—	600.00	600.00	600.00
21 hingga 30 bilik	450.00	850.00	—	650.00	—	—
31 hingga 40 bilik	500.00	900.00	—	700.00	—	—
41 hingga 50 bilik	550.00	950.00	—	750.00	—	—
Setiap tambahan 10 bilik atau kurang	50.00	50.00	100.00	50.00	50.00	50.00

## 5. Kategori 5

<i>Jumlah Bilik</i>	<i>Fi (RM)</i>				
	<i>Majlis Perbandaran Kuantan</i>	<i>Majlis Perbandaran Bentong</i>	<i>Majlis Daerah Lipis</i>	<i>Majlis Daerah Cameron Highlands</i>	<i>Lain-Lain Majlis Daerah</i>
1 unit (1-3 bilik)	200.00	500.00	350.00		
1 unit (4-5 bilik)	500.00	500.00	—		
1 unit (6-10 bilik)	—	750.00	—	350.00	Tertakluk kepada kategori yang berkaitan
1 unit (11 bilik ke atas)	—	1,000.00	—		
Setiap tambahan bilik	50.00	—	50.00	—	

## [Peraturan 6]

## CAJ KELESTARIAN

(a) Semua kategori hotel RM3.00 bagi setiap bilik semalam

## JADUAL KEDUA

## [Peraturan 3(2)]

## FI PEMROSESAN LESEN

(a) Fi pemprosesan RM50.00

## [Peraturan 5(4)]

## DENDA LEWAT MEMPERBAHARUI LESEN

- (a) Tidak lebih daripada 1 bulan 10% daripada bayaran lesen tahunan sepatutnya
- (b) Lebih 1 bulan tetapi tidak lebih daripada 2 bulan 20% daripada bayaran lesen tahunan sepatutnya
- (c) Melebihi 2 bulan 30% daripada bayaran lesen tahunan sepatutnya.

## [Peraturan 7]

## FI PEMROSESAN PINDAH MILIK LESEN

- (a) Fi pemrosesan RM50.00

## [Peraturan 8]

## FI SALINAN LESEN DIPERAKUI

- (a) Salinan lesen RM50.00

## JADUAL KETIGA

## [Peraturan 5(3)]

## KEMUDAHAN-KEMUDAHAN BERDASARKAN KATEGORI HOTEL

- (i) Kategori 1: Mempunyai kesemua atau sekurang-kurangnya sembilan kemudahan yang disenaraikan di bawah:
- (a) *Bar*
  - (b) *Lounge*
  - (c) Dewan/*banquet*/bilik mesyuarat
  - (d) Aktiviti pementasan/persembahan hiburan
  - (e) Restoran/*coffee house*
  - (f) Kolam renang untuk kanak-kanak dan dewasa
  - (g) Tempat letak kereta
  - (h) Dobi
  - (i) *Health club/gymnasium/sauna/kemudahan outdoor dan indoor*
  - (j) Salun kecantikan
  - (k) Kedai/*kiosk*
  - (l) Iklan
- (ii) Kategori 2: Mempunyai kesemua atau sekurang-kurangnya lapan kemudahan yang disenaraikan di bawah:
- (a) *Bar*
  - (b) *Lounge*
  - (c) Dewan/*banquet*/bilik mesyuarat
  - (d) Aktiviti pementasan/persembahan hiburan

- (e) Restoran/*coffee house*
- (f) Kolam renang untuk kanak-kanak dan dewasa
- (g) Tempat letak kereta
- (h) Dobi
- (i) *Health club/gymnasium/sauna/kemudahan outdoor dan indoor*
- (j) Kedai/*kiosk*
- (k) Iklan

(iii) Kategori 3: Mempunyai kesemua atau sekurang-kurangnya enam kemudahan yang disenaraikan di bawah:

- (a) *Bar*
- (b) *Lounge*
- (c) Restoran/*coffee house*
- (d) Aktiviti pementasan/persembahan hiburan
- (e) Tempat letak kereta
- (f) Dobi
- (g) Kedai/*kiosk*
- (h) Iklan

(iv) Kategori 4: Mempunyai kesemua atau sekurang-kurangnya satu kemudahan yang disenaraikan di bawah:

- (a) Aktiviti pementasan/hiburan
- (b) Tempat letak kereta
- (c) Dobi
- (d) Iklan

(v) Kategori 5: Asrama, motel, rumah tumpangan, rumah penginapan atau rumah tetamu.

Disahkan 22 September 2021  
[SUK.Phg. 3.600-1/1/4; PUN.Phg.D/100/26/4]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA  
BIN SYED ABDUL RAHMAN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*  
*Pahang*

## HOTELS (PAHANG) ENACTMENT 2020

## HOTELS (PAHANG) REGULATIONS 2021

IN exercise of the powers conferred by section 34 of the Hotels (Pahang) Enactment 2020, the State Authority makes the following regulations:

**Short title and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Hotels (Pahang) Regulations 2021**.

(2) These Regulations shall come into force on the date of its publication in the *Gazette*.

**Interpretation**

2. In this Regulations, unless the context otherwise requires—

“Sustainability Charge” means a fee amounting to RM3.00 per night for each room occupied.

“Enactment” means Hotels (Pahang) Enactment 2020

“hotel” means any premises where—

- (a) persons are harboured or lodged for hire or reward of any kind;
- (b) rooms are furnished by the owner, lessee, principal tenant, occupier or manager of such premises for the domestic use of the persons so harboured or lodged; or
- (c) inclusive of hostel (except as defined under subparagraph (c)(iii)) or motel, boarding house, inn or guest house;

but does not include—

- (i) any premises on which the activities mentioned in paragraphs (a) and (b) are being carried on by or on behalf of the Federal Government or the Government of any State or any statutory body established by any written law;
- (ii) any private healthcare facility, child care centre or care centre the establishment or operation of which is controlled or regulated under any other written law;
- (iii) any hostel established by or on behalf of any private educational institution or private higher educational institution and controlled or regulated under any other written law; or
- (iv) any premises let out on landlord and tenant basis;

“licence” means a licence granted under section 4 or a temporary licence granted under section 8 of the Hotels (Pahang) Enactment 2020;

“local authority” contains the same meaning as per section 2 of the Hotels (Pahang) Enactment 2020;

“State Sustainability Fund” means a fund established by the State Authority for the purpose of managing the Sustainability Charge.

#### **Application for a licence**

3. (1) Any application for the licence under these Regulations shall include the details of the applicant and the relevant parties involved in the opening of the hotel and the interest incurred by the said parties.

(2) The applicant shall make the payment of processing fee as prescribed in the Second Schedule upon submission of the application and it is not refundable whether the application is approved or disapproved by the local authority.

#### **Refusal of application**

4. Local authority at his discretion may disapprove or refuse to renew the licence and shall inform the applicant of its decision in writing.

#### **Issuance and renewal of licence**

5. (1) Upon approval of the application, the local authority shall issue a licence subject to—

(a) payment of any fee as stipulated in the schedules;

(b) payment of a deposit, such sum as the local authority may determine as security to ensure that the conditions or restrictions of the licence and the provisions of this Enactment or Regulations made under this enactment are duly observed; and

(c) any condition and restriction as may be specified therein.

(2) A licence may be renewed subject to renewal fee and settlement of all payments in arrears including compounds to the local authority.

(3) Annual fee and renewal fee is based on hotel categories as stipulated in the First Schedule and Third Schedule.

(4) Fine for late renewal of licence as stipulated in the Second Schedule.

(5) Determination of hotel categories as stipulated in the Third Schedule.



**Sustainability Charge**

6. (1) Sustainability Charge will be imposed for each hotel's room occupied in the area administered by the local authority as stipulated in the First Schedule.

(2) Sustainability Charge shall be collected by the licensee and be deposited in to the State Sustainability Fund established by State Authority on the tenth day every month.

(3) A committee of will be established to manage the fund.

**Transfer of licence**

7. Local authority may approved the transer of licence to any parties or corporation or firm subject to transfer of licence fee as stipulated in the Second Schedule.

**Copy of certified licence fee**

8. The local authority may issued a copy of certified licence after receiving written application from the licensee upon payment of fee as stipulated in the Second Schedule.

**Duration of licence**

9. A licence shall remain in force from the date of the payment of licence fee according to the period approved by the local authority but not exceeding three years.

**Sanitation**

10. A hotel shall be kept in a clean condition at all times.

**Nuisance**

11. The licensee shall ensure the activities at the hotel not causes any disturbance.

**Fire Prevention**

12. The licensee shall ensure that—

(a) sufficient fire prevention facilities is provided, managed and functioning well;

- (b) all stairs, pathways, platforms and exit ways are provided, managed and functioning well;
- (c) all stairs, platform accesses and exit ways are free from any obstruction and each door inside is built and attached in such way that it is easily open; and
- (d) abide any rule made by local authority from time to time.

#### **Air Circulation**

13. The licensee shall ensure that every room shall be equipped with sufficient air circulation or in the manner prescribed by the local authority.

#### **Revocation of licence**

14. (1) The local authority may revoke a licence issued if satisfied that the licensee has breached any provision of the enactment or Regulations made under it or fail to comply with any of the condition or restriction imposed.

(2) Before revoking the licence, the local authority shall by written notice inform the licensee of its intention to do so and request the licensee to give representation in writing as to why the licence should not be revoked.

(3) If the local authority decided to revoke the said licence, a copy of the revocation notice should be delivered immediately to licensee as stipulated under this enactment.

(4) The licensee whose licence is revoked shall immediately close and cease the operation of any activity at the hotel.

#### **Penalty**

15. Any person who contravenes any provision of these Regulations commits an offence and shall upon conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both.

FIRST SCHEDULE  
[Regulation 5(3)]  
ANNUAL LICENCE FEE

1. Category 1

<i>Total of Rooms</i>	<i>Fee (RM)</i>
20 rooms and below	2,000.00
21 to 30 rooms	2,200.00
31 to 40 rooms	2,400.00
41 to 50 rooms	2,600.00
51 to 60 rooms	2,800.00
61 to 70 rooms	3,000.00
71 to 80 rooms	3,200.00
81 to 90 rooms	3,400.00
91 to 100 rooms	3,600.00
Every subsequent 10 rooms or less	200.00

2. Category 2

<i>Total of rooms</i>	<i>Fee (RM)</i>	<i>Fee (RM)</i>
	<i>All Local Council except Bentong Municipal Council</i>	<i>Bentong Municipal Council</i>
20 rooms or below	1,000.00	1,500.00
21 to 30 rooms	1,100.00	1,650.00
31 to 40 rooms	1,200.00	1,800.00
41 to 50 rooms	1,300.00	1,950.00
51 to 60 rooms	1,400.00	2,100.00
61 to 70 rooms	1,500.00	2,250.00
71 to 80 rooms	1,600.00	2,400.00
81 to 90 rooms	1,700.00	2,500.00
91 to 100 rooms	1,800.00	2,700.00
Every subsequent 10 rooms or less	100.00	150.00

## 3. Category 3

Total of rooms	Fee (RM)					
	Kuantan Municipal Council, Temerloh Municipal Council, Pekan District Council, Rompin District Council, Bera District Council, Lembaga Pembangunan Tioman	Bentong Municipal Council	Maran District Council	Raub District Council, Jerantut District Council	Lipis District Council	Cameron Highlands District Council
10 rooms or below	600.00	1,000.00	700.00	900.00	700.00	700.00
11 to 20 rooms	600.00	1,100.00	750.00	900.00	700.00	700.00
21 to 30 rooms	650.00	1,200.00	800.00	950.00	—	750.00
31 to 40 rooms	700.00	1,300.00	850.00	1,000.00	—	800.00
41 to 50 rooms	750.00	1,400.00	900.00	1,050.00	—	850.00
51 to 60 rooms	800.00	1,500.00	950.00	1,100.00	—	900.00
61 to 70 rooms	850.00	1,600.00	1,000.00	1,150.00	—	950.00
71 to 80 rooms	900.00	1,700.00	1,050.00	1,200.00	—	1,000.00
81 to 90 rooms	950.00	1,800.00	1,100.00	1,250.00	—	1,100.00
91 to 100 rooms	1,000.00	1,900.00	1,150.00	1,300.00	—	1,100.00
Every Subsequent 10 rooms or less	100.00	100.00	100.00	100.00	50.00	100.00

## 4. Category 4

Total of rooms	Fee (RM)				
	Kuantan Municipal Council, Temerloh Municipal Council, Pekan District Council, Rompin District Council, Bera District Council, Raub District Council, Lembaga Pembangunan Tioman	Bentong Municipal Council	Maran District Council	Lipis District Council	Jerantut District Council, Cameron Highlands District Council
10 rooms or below	400.00	750.00	600.00	600.00	600.00
11 to 20 rooms	400.00	800.00	—	600.00	600.00
21 to 30 rooms	450.00	850.00	—	650.00	—
31 to 40 rooms	500.00	900.00	—	700.00	—
41 to 50 rooms	550.00	950.00	—	750.00	—
Every subsequent 10 rooms or less	50.00	50.00	100.00	50.00	50.00

## 5. Category 5

<i>Total of rooms</i>	<i>Fee (RM)</i>				
	<i>Kuantan Municipal Council</i>	<i>Bentong Municipal Council</i>	<i>Lipis District Council</i>	<i>Cameron Highlands District Council</i>	<i>Other District Council</i>
1 unit (1-3 rooms)	200.00	500.00	350.00		
1 unit (4-5 rooms)	500.00	500.00	—		
1 unit (6-10 rooms)	—	750.00	—	350.00	Subject to relevant categories
1 unit (11 rooms and above)	—	1,000.00	—		
Every subsequent room	50.00	—	50.00	—	

## [Regulation 6]

## SUSTAINABILITY CHARGE

- (a) All categories of hotel RM3.00 for each room per night

## SECOND SCHEDULE

## [Regulation 3(2)]

## LICENCE PROCESSING FEE

- (a) Processing Fee RM50.00

## [Regulation 5(4)]

## FINE FOR LATE RENEWAL OF LICENCE

- (a) Not exceeding one month 10% of yearly licence fee
- (b) Exceeding one month but less than two months 20% of yearly licence fee
- (c) Exceeding two months 30% of yearly licence fee

## [Regulation 7]

## TRANSFER OF LICENCE FEE

- (a) Processing Fee RM50.00

## [Regulation 8]

## COPY OF CERTIFIED LICENCE FEE

- (a) Licence copy RM50.00

## THIRD SCHEDULE

## [Regulation 5(3)]

## FACILITIES BASED ON CATEGORY OF HOTEL

- (i) Category 1: Consist of all items listed below or nine at least:
- (a) Bar
  - (b) Lounge
  - (c) Hall/banquet/meeting room
  - (d) Stage performance/entertainment
  - (e) Restaurant/coffee house
  - (f) Swimming pool for adults and kids
  - (g) Car park
  - (h) Laundry
  - (i) Health club/gymnasium/sauna/outdoor and indoor facilities
  - (j) Beauty saloon
  - (k) Shops/kiosk
  - (l) Advertisement
- (ii) Category 2: Consist of all items listed below or eight at least:
- (a) Bar
  - (b) Lounge
  - (c) Hall/banquet/meeting room
  - (d) Stage performance/entertainment
  - (e) Restaurant/coffee house
  - (f) Swimming pool for adults and kids

- (g) Car park
- (h) Laundry
- (i) Health club/gymnasium/sauna/outdoor and indoor facilities
- (j) Shops/kiosk
- (k) Advertisement

(iii) Category 3: Consist of all items listed below or six at least:

- (a) Bar
- (b) Lounge
- (c) Restaurant/coffee house
- (d) Stage performance/entertainment
- (e) Car park
- (f) Laundry
- (g) Shop/kiosk
- (h) Advertisement

(iv) Category 4: Consist of all items listed below or one at least:

- (a) Stage performance/entertainment
- (b) Car Park
- (c) Laundry
- (d) Advertisement

(v) Category 5: Hostel, motel, boarding house, inn or guest house.

Confirmed 22 September 2021  
[SUK.Phg.-3.600-1/1/4; PUN.Phg.D/100/26/4]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA  
BIN SYED ABDUL RAHMAN  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang ditantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA